



O c c a s i o n a l P a p e r S e r i e s

---

# Keadaan Sosiologi Masyarakat Melayu

---

Association of Muslim Professionals  
Singapore



O c c a s i o n a l P a p e r S e r i e s

Paper No. 5-97

---

# Keadaan Sosiologi Masyarakat Melayu

---

Dr Syed Farid Alatas

This paper is an edited translation of a lecture delivered by Dr Syed Farid Alatas in English entitled *The State of Malay Sociology in Singapore* on 18 November 1995 at the AMP Centre

Association of Muslim Professionals

© Association of Muslim Professionals, Singapore, 1997

Published by  
Association of Muslim Professionals  
AMP Centre  
25 Jalan Tembusu  
Singapore 438234  
Tel: 346 0911  
Fax: 346 0922  
E-mail: [amprimma@pacific.net.sg](mailto:amprimma@pacific.net.sg)  
Webpage: <http://www.amp.org.sg>

September 1997

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior consent of the Association of Muslim Professionals.

The responsibility for facts and opinions expressed in this publication rests exclusively with the contributors and their interpretations do not necessarily reflect the views or the policy of the Association or its supporters.

ISBN 981-00-8736-5

# **Keadaan Sosiologi Masyarakat Melayu**

## **Satu Pendekatan Terhadap Pengajian Sosiologi Melayu**

Pengajian sosiologi Melayu, seperti pengajian sosiologi yang lain, merupakan pengajian yang bersifat refleksif mengenai disiplin tersebut. Tumpuannya lebih pada sosiologi sendiri daripada kandungan dunia sosial, hinggakan terdapat suatu sosiologi dalam pengajian Melayu.

Maka kita di alam metasosiologi. Suatu metasosiologi perihal pengajian Melayu memerlukan satu pendekatan yang menggariskan perkara-perkara yang terangkum dalam skopnya. Ada pelbagai jenis metasosiologi dan keprihatinan perihalnya meliputi yang berbentuk epistemologi kepada yang lebih empiris, dan yang kognitif kepada yang lebih praktikal. Pelbagai jenis metasosiologi itu melibatkan kajian mengenai asas epistemologi bidang sosiologi, metodologi, struktur dasar teori, sosiologi tulen, sosiologi naratif, isi dasar sosiologi atau sosiologi terapan, dan postulat-postulat nilai sosiologi.

Bagaimanapun, memandangkan sosiologi masyarakat Melayu di Singapura bukan bidang kajian yang dikembangkan secara baik, tidak semua aspek metasosiologi yang disebut di atas boleh dipertimbangkan. Tujuan esei bercorak bibliografi ini ialah untuk meninjau sumbangan teoretis pengajian Melayu



kepada disiplin sosiologi di Singapura. Keprihatinan di sini ialah sama ada teori dan konsep dari pelbagai perspektif digunakan bagi pengajian masyarakat Melayu dengan secara sedar atau tidak. Dalam erti kata lain, adakah wacana sosiologi mengenai masyarakat Melayu lebih bersifat naratif atau teoretis dan adakah pemahaman teoretis yang baru yang dibangunkan?

Aspek-aspek masyarakat Melayu yang akan dibincangkan adalah seperti berikut:

- (a) persoalan identiti Melayu
- (b) susunan kelas
- (c) corak hubungan antara kaum
- (d) peningkatan keusahawanan di kalangan orang-orang Melayu, kemunduran dan persoalan kapitalisme Melayu
- (e) kebangkitan semula Islam dan ideologi Islam dalam masyarakat Melayu.

Bidang-bidang ini dipilih kerana kebanyakan penulisan yang bersifat sosiologi mengenai masyarakat Melayu Singapura termasuk dalam salah satu daripada bidang-bidang ini.

### **Identiti Melayu**

Dua perkara berkaitan dengan isu identiti Melayu di Singapura menunjukkan keperluan untuk mengkaji identiti

etnik masyarakat ini.

Pertama, sifat identiti etnik dan batas-batasnya, termasuk kriteria yang digunakan untuk menakrif keetnikan dan perubahan-perubahan bersejarah pada identiti etnik itu, jelas merupakan isu penting dalam masyarakat berbilang kaum seperti Singapura. Ini terutamanya benar bagi orang Melayu, memandangkan kebendaliran batasan etnik Melayu dan proses-proses akulturasi dan asimilasi bersejarah pelbagai puak di Kepulauan Melayu-Indonesia serta orang-orang Arab dan India-Muslim ke dalam masyarakat Melayu. Memandangkan hal ini, agak menghairankan mengapa begitu sedikit kajian dijalankan mengenai isu-isu tersebut.

Kedua, perbahasan awam mengenai isu ini telah berlangsung mengenai kedudukan orang Arab Singapura dalam masyarakat Melayu. Banyak pemerhatian menarik dari sudut sosiologi telah ditimbulkan oleh orang kebanyakan yang menunjukkan wujudnya satu bidang yang kaya bagi kerja lapangan, pengumpulan data dan analisis. Perbahasan bermula dengan sepucuk surat kepada akhbar *The Straits Times* yang membidas satu program Melayu terbitan Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC) bertajuk 'Potret Keluarga', kerana memaparkan "orang Arab setempat sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu".<sup>1</sup> Tidak lama selepas itu,

jurucakap SBC memberi jaminan bahawa tiada niat di pihak SBC untuk memaparkan orang Arab sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu.<sup>2</sup> Ada juga reaksi kepada rujukan “Melayu berketurunan Arab”.<sup>3</sup> Apapun niat rancangan itu, persoalan identiti Arab, dan lantaran itu identiti Melayu, telah dibawa ke muka. Di Singapura dan Malaysia, laporan-laporan dalam akhbar harian memberi gambaran adanya krisis identiti di kalangan orang Arab di Singapura, tetapi hanya sekelompok sahaja yang ingin mengekalkan identiti Arab mereka.<sup>4</sup> Juga dikatakan bahawa proses integrasi orang Arab ke dalam masyarakat Melayu Singapura yang sudah berlangsung berdekad lamanya tidak akan terjejas oleh sikap sekelompok itu yang ingin membezakan dirinya daripada masyarakat Melayu amnya.<sup>5</sup> Selanjutnya, dalam menanyakan persoalan sama ada orang Arab di Singapura adalah orang Melayu atau tidak, diakui bahawa ini boleh bergantung pada situasi.<sup>6</sup> Persoalan sama ada orang Arab adalah Melayu atau tidak menimbulkan isu lebih besar tentang siapa itu Melayu. Proses akulturasi dan asimilasi bersejarah orang Arab, India-Muslim dan pelbagai kumpulan etnik dari kepulauan Indonesia ke dalam masyarakat Melayu Singapura menjadi bukti betapa identiti Melayu itu boleh berubahsuai. Bertambah menghairankan adalah mengapa hampir tiada kajian sosiologi dijalankan ke atas identiti Melayu di Singapura, memandangkan isu ini terus menjadi tumpuan

wacana awam.

Satu pengecualian ialah kajian Tham Seong Chee yang meninjau perspektif politik, akademik dan bukan Melayu mengenai takrif “Melayu”.<sup>7</sup> Takrif politik menekankan ras dan kewilayahan sementara takrif akademik pula mengiktiraf kepelbagaian yang semakin luas tentang apa itu “Melayu”. Selanjutnya, sempadan kebudayaan yang memisahkan orang Melayu daripada orang Arab, India dan Cina yang juga Muslim adalah subjektif dan objektif. Kajian Tham menimbulkan banyak isu penting dalam pengajian identiti Melayu di Singapura tetapi ia lebih merupakan esei dan bukan penulisan yang berdasarkan teori atau sandaran empiris mengenai perkara itu.

Satu lagi penulisan, yang tumpuannya bukan hanya pada orang Melayu, adalah hasil karya Sharon Siddique.<sup>8</sup> Ia membincangkan bagaimana pelakon-pelakon etnik menakrif identiti etnik mereka. Menggunakan pendekatan fenomenologis, Siddique meninjau bagaimana kandungan kategori CMIO (Cina, Melayu, India dan Lain-lain) dikonsepsikan sebagai salah satu komponen penting pengetahuan umum. Ini memerlukan pemahaman bagaimana sekumpulan individu memahami isu keetnik dalam situasi-situasi tertentu.

Akhir sekali, kajian John Clammer juga wajar disebut.

Penulisannya itu, walaupun tidak terbatas pada orang Melayu, mengutarakan model bagi meneroka identiti etnik di Singapura.<sup>9</sup> Model ini meninjau enam dimensi iaitu struktur keluarga, status majoriti/minoriti, ekonomi politik, modernisasi, mod-mod alternatif bagi susunan masyarakat dan ideologi nasional. “Unsur-unsur menstruktur” ini mencadangkan bahawa lebih banyak kajian perlu dijalankan ke atas perhubungan faktor-faktor struktural dengan yang subjektif tentang perhubungan antara kumpulan dan antara individu dalam masyarakat majmuk Singapura.<sup>10</sup>

Secara umum, kajian teoretis ke atas identiti etnik Melayu Singapura dan batas-batasnya, yang menyoal teori-teori seperti model asimilasi, yang cuba membangunkan teori keetnikan dalam konteks masyarakat majmuk, yang cuba membentuk kriteria yang digunakan untuk menakrif keetnikan, dan yang telah dibuat bagi masyarakat Melayu Malaysia,<sup>11</sup> belum lagi menjelma dalam sosiologi Singapura.

### *Susunan Kelas Dalam Masyarakat Melayu*

Hingga kini, orang Melayu terdapat dengan banyaknya dalam kategori-kategori pekerjaan seperti dalam bidang perkhidmatan dan perkeranian. Mereka biasanya diambil bekerja sebagai kerani, pembantu pejabat, pekerja tidak berkemahiran dan separuh kemahiran, pemandu, tukang kayu

dan seterusnya. Mereka terdapat dengan sedikitnya dalam kategori-kategori pekerja karyawan, pentadbiran dan pengurusan. Apabila ini difahami di balik latar pertumbuhan pesat ekonomi di Singapura sepanjang tiga dekad lalu, jelas bahawa ada perlunya diselidik susunan pekerjaan dan kelas orang Melayu Singapura dengan tujuan mengukur kemajuan relatif masyarakat tersebut.

Menjadi kelaziman untuk membezakan antara dua pendekatan dalam penyifatan susunan kelas pada masyarakat kapitalis masa kini. Ini berdasarkan teori hubungan (*relational*) dan pembahagian (*distributional*), pertama kali dikenal pasti oleh Ossowski.<sup>12</sup> Teori pembahagian menggolongkan orang ke dalam kumpulan-kumpulan berdasarkan persamaan ciri-ciri yang telah ditetapkan sebagai kriteria untuk penggolongan. Teori hubungan sebaliknya memahami kelas dari segi kelas itu membentuk satu sistem perhubungan yang berstruktur antara satu sama lain.<sup>13</sup>

Menjadi resam dalam pendekatan pembahagian untuk menggunakan pekerjaan dan pendidikan sebagai indeks kelas. Pekerjaan terutamanya dilihat sebagai penunjuk yang agak tepat mengenai pendapatan dan kekayaan, serta perbezaan status. Kenyataan klasik pendekatan pembahagian terlihat dalam skim yang melabelkan kelas sepanjang satu kontinum dari atas ke

bawah yang termasuk kelas atasan-atas (*upper upper*), atasan-rendah (*lower upper*), tengahan-atas (*upper middle*), tengahan-rendah (*lower middle*), bawahan-tertinggi (*upper lower*), dan bawahan-rendah (*lower lower*).<sup>14</sup>

Kebanyakan penulisan mengenai struktur kelas dalam masyarakat Singapura berdasarkan pendekatan pembahagian, sama ada mengenai masyarakat Singapura secara amnya atau kumpulan etnik tertentu, dan menggunakan pekerjaan atau pendidikan sebagai indeks kelas.<sup>15</sup>

Sungguhpun pendekatan pembahagian itu, dengan menggunakan pekerjaan dan pendidikan sebagai indeks kelas, memang mengambil kira aspek-aspek penting kelas seperti kekayaan (*wealth*), kuasa (*power*), penghormatan (*esteem*), martabat (*prestige*) dan tabiat pengguna (*consumption habits*), ia terdedah kepada sangkalan serius oleh penyokong pendekatan hubungan.

Hujah mereka adalah bahawa konsep seperti pekerjaan dan pendidikan berbeza secara kualitatif daripada konsep kelas sosial. Dalam pendekatan hubungan, kelas tidak dikategorikan dalam kontinum dari atas ke bawah tetapi menurut perhubungan kuasa dan pengaruh (*domination*).<sup>16</sup> Satu contoh bagi pendekatan hubungan ini ialah kekonsepan kelas menurut fahaman Marx, yang berdasarkan kedudukan individu dalam

proses pengeluaran (*production*). Kelas-kelas dalam masyarakat dibezakan menurut hubungan setiapnya pada alat-alat pengeluaran dan kriteria kelas termasuk hakmilik dan pengawalan ke atas alat-alat pengeluaran itu, pengawalan tenaga buruh orang lain, dan cara memberi ganjaran. Memandangkan adanya identifikasi kaum etnik dengan fungsi ekonomi dalam kes Melayu Singapura, adalah berguna untuk melakarkan susunan kelas di Singapura menurut keetnikan dari segi pendekatan hubungan. Ini akan memungkinkan kita mengukur sejauh mana pendapatan, kekayaan, kuasa dan status bertambah bukan hanya pada lapisan pendapatan yang tidak khusus takrifnya, tetapi juga pada pelbagai kelas dalam setiap kaum etnik.<sup>17</sup> Kepentingan beralih melewati struktur pekerjaan dalam analisis kelas di Singapura pernah diutarakan<sup>18</sup> tetapi sejauh ini belum ada usaha untuk menggunakan pendekatan hubungan bagi memahami kelas sosial di kalangan orang-orang Melayu Singapura.

### **Hubungan Etnik**

Satu perbincangan berterusan dalam sosiologi melibatkan isu ras/kelas. Kerap kali ia melibatkan konflik antara pandangan fahaman Marx dengan bukan Marx mengenai kepentingan relatif ras dan kelas. Sarjana fahaman Marx secara keseluruhannya telah berhujah bahawa ras patut dilihat sebagai



suatu manifestasi kelas, sementara yang bukan berfahaman Marx lebih suka memberi peranan sebab-akibat bebas (*independent causal role*) untuk kelas.<sup>19</sup> Hasil dari perbincangan ini dan juga perkembangan teoretis dalam sosiologi adalah satu jisim kajian yang kaya mengenai hubungan etnik, termasuk perspektif-perspektif berikut:

- (i) interpretasi ortodoks fahaman Marx mengenai ras dan kelas<sup>20</sup>
- (ii) teori pasaran buruh berbelah<sup>21</sup>
- (iii) model autonomi relatif<sup>22</sup>
- (iv) model autonomi<sup>23</sup>
- (v) model buruh pendatang<sup>24</sup>
- (vi) teori masyarakat majmuk<sup>25</sup>
- (vii) perspektif fahaman Weber<sup>26</sup>
- (viii) teori interaksi simbolik perhubungan kaum<sup>27</sup>

Biarpun adanya cukup perkakasan teori dan latar empiris yang sesuai, tiada usaha dijalankan untuk mengembangkan kajian hubungan etnik dalam konteks masyarakat Melayu di Singapura. Sebab-sebab yang sama wujud bagi perlunya untuk mengkaji hubungan etnik masyarakat Melayu, sebagaimana adanya sebab-sebab untuk mengkaji identiti etnik masyarakat tersebut, seperti dibincangkan di atas. Bagaimanapun, tidak banyak kajian sejauh ini yang melewati pernyataan deskriptif hubungan etnik buat masyarakat Melayu.

Kebanyakan kajian mengenai persoalan hubungan etnik di Singapura tergolong dalam beberapa kategori menurut tumpuan empiris masing-masing:

- (i) dasar nasional
- (ii) perkahwinan antara kaum
- (iii) integrasi politik

Perbincangan mengenai dasar nasional Singapura berhubungan dengan orang-orang Melayu dan lain-lain kumpulan minoriti tertumpu pada dasar kebudayaan dan bahasa, menekankan kesaksamaan dari segi undang-undang bagi semua kaum, kebebasan beragama dan kedudukan rasmi keempat-empat bahasa (Inggeris, Mandarin, Tamil dan Melayu).<sup>28</sup>

Mengenai perkahwinan antara kaum, telah diperhatikan bahawa asimilasi antara kaum berlainan menjadi mungkin dan berjaya hanya sekiranya budaya dan pandangan dunia kaum berkenaan secocok atau sepadan. Jadi kemungkinan orang Arab dan India-Muslim diasimilasi ke dalam masyarakat Melayu tampak lebih besar daripada asimilasi mereka ke dalam masyarakat Cina dan India.<sup>29</sup> Perkara ini dinyatakan oleh Clammer dalam konteks mengambil kira ketidaktepatan teori asimilasi (*theory of assimilation*) Gordon jika digunakan pada kes Singapura. Integrasi kumpulan minoriti (penghijrah di Amerika) ke dalam struktur sosial kumpulan majoriti yang

diutarakan oleh Gordon<sup>30</sup> secara umumnya tidak berlaku di Singapura kerana adanya jurang kebudayaan yang besar antara majoriti Cina dengan pelbagai kumpulan minoriti. Sejauh mana pandangan dunia dianggap selaras dengan agama, dapat difahamkan mengapa kebanyakan perkahwinan antara kaum berlaku antara individu seagama.<sup>31</sup> Satu kajian awal oleh Riaz Hassan menyimpulkan bahawa perkahwinan antara kaum di Singapura berlaku lebih kerap daripada di lain tempat di dunia, tetapi perkahwinan itu secara umum terbatas kepada mereka yang beragama Islam dan Nasrani.<sup>32</sup> Dalam erti kata lain, individu yang berkahwin melewati garisan etnik mempunyai agama yang sama.

Dalam menyoal sejauh mana masyarakat Melayu diintegrasikan secara politik ke dalam arus kehidupan nasional di Singapura, perbincangan telah menyatakan beberapa faktor yang relevan pada proses integrasi secara politik itu:<sup>33</sup>

- (i) kepelbagaian kaum di kalangan orang Melayu
- (ii) talian kekeluargaan dan kebudayaan yang ada di antara Melayu Singapura dengan Malaysia dan Indonesia
- (iii) kemunduran orang Melayu dalam ekonomi
- (iv) identiti kaum Melayu

Sejauh mana integrasi politik bergantung pada

kesetiaan, Bedlington menyimpulkan sekiranya masyarakat Melayu tidak melihat dirinya sebagai berkongsi secara saksama dalam pembangunan nasional atau melihat identiti kaumnya sebagai terancam, kesetiiaannya boleh berpindah melewati sempadan wilayah negara.<sup>34</sup>

### **Keusahawanan, Kemunduran dan Kapitalisme Melayu**

Keperluan menumpukan perhatian kepada soal kemunduran Melayu telah lama diiktiraf di kalangan akademik Singapura. Lebih dua-puluh tahun lalu, disarankan agar “apa yang lebih penting mungkin bukan untuk menumpukan perhatian kepada perkara yang ketara seperti pendapatan per kapita (*per capita income*), daya penghasilan (*productivity*), atau pelaburan modal (*capital investment*). Sebaliknya, kajian mesti merangkumi secara eksklusif penyelidikan punca-punca keterbelakangan ekonomi dalam masyarakat ini dan prospek kemajuannya”.<sup>35</sup> Malah, beberapa penulisan yang ada mengenai keadaan ekonomi Melayu Singapura tertumpu pada punca bukan ekonomi kemunduran orang Melayu.

Dari segi pandangan umum, satu yang wajar disebut ialah hasil Sharifah Zahra Aljunied. Beliau memberi satu analisis deskriptif mengenai struktur pekerjaan dan perusahaan penggajian tenaga buruh Melayu, memeriksa punca dan implikasi struktur sedemikian ke atas masyarakat Melayu, dan

membuat beberapa saranan untuk memperbaiki keadaan ekonomi Melayu di Singapura.<sup>36</sup>

Soal kemunduran ekonomi masyarakat Melayu secara keseluruhannya dan kemunculan secara perlahan kelas kapitalis Melayu terutamanya telah menerima perhatian cendekiawan dan golongan elit Melayu. Secara umum, tumpuan diberikan pada isu (1) keusahawanan Melayu dan (2) hubungan antara Islam dengan pembangunan.

### **Keusahawanan dan Kemunduran Melayu**

Mengenai keusahawanan Melayu, beberapa teori telah diusulkan untuk menerangkan kemunduran keupayaan Melayu dalam bidang tersebut.<sup>37</sup>

- (i) kekurangan dalam pendidikan Melayu
- (ii) baka sebagai punca
- (iii) kesan ideologi penjajah
- (iv) hujah struktural
- (v) hujah kebudayaan
- (vi) masalah golongan elit

Pandangan bahawa masalah pembangunan keusahawanan Melayu adalah pada terasnya masalah pendidikan telah wujud selama lebih dua-puluh tahun.<sup>38</sup> Kemunduran Melayu dikatakan berpunca daripada jenis

pendidikan yang salah, “pendidikan bercorak kebudayaan yang menjadikan orang Melayu berpuas hati dan patuh kata. Akibatnya, akal Melayu tidak suka menyoyal”.<sup>39</sup> Pemerhatian yang dibuat adalah bahawa pada zaman penjajahan, pendidikan untuk orang-orang Melayu “semata-matanya untuk pemeliharaan dan kemantapan cara hidup tradisional orang Melayu”<sup>40</sup> dan direka untuk menghalang kemunculan “kelas terpelajar yang tidak puas hati”.<sup>41</sup> Stevenson, dalam kajiannya mengenai sejarah pendidikan orang Melayu, menunjukkan bagaimana dasar pendidikan penjajah mengekalkan pembahagian masyarakat Melayu kepada golongan pemerintah dan yang diperintah, dengan membekalkan pendidikan dalam bahasa ibunda bagi orang kebanyakan dan pendidikan bahasa Inggeris bagi anak-anak lelaki kepada raja-raja dan ketua-ketua Melayu.<sup>42</sup>

Penerusan dasar pendidikan di antara zaman penjajah dan zaman awal selepas penjajahan di Singapura juga disarankan sebagai punca. Oleh kerana orang-orang Melayu pada umumnya pergi ke sekolah Melayu, mereka terpelihara daripada kesan modernisasi. Kerendahan nilai ekonomi pendidikan Melayu dari sudut penggajian dalam perkhidmatan pemerintah dan firma-firma komersil pernah diselidik.<sup>43</sup> Rujukan dibuat pada pelbagai masalah yang melanda pendidikan dalam bahasa Melayu seperti pencapaian rendah

pelajar, kadar tinggi pelajar yang tinggalkan sekolah, kefasihan rendah dalam bahasa Inggeris, aspirasi kerja yang rendah, guru-guru yang tidak berkelayakan, sukatan pelajaran yang terkebelakang, kekurangan minat dalam sains dan matematik, dan kekurangan buku teks dalam bahasa Melayu.<sup>44</sup>

Keadaan ini memang berubah dengan kemasukan lebih ramai anak-anak Melayu ke dalam sekolah berbahasa Inggeris dan kemunculan pertubuhan-pertubuhan seperti MENDAKI (Majlis Pembangunan Masyarakat Islam Singapura), yang menumpukan usahanya pada masalah pendidikan.<sup>45</sup> Bagaimanapun, tiada kajian yang berusaha mengukur kesan pendidikan moden dan sekular ke atas perkembangan keusahawanan Melayu.<sup>46</sup>

Pendidikan juga dikaitkan dengan masalah golongan elit dari segi sekiranya kemajuan timbul dari masalah kepimpinan, golongan elit Melayu-Islam mesti diambil daripada “mereka yang lebih berpelajaran tinggi yang jumlahnya meningkat secara perlahan”.<sup>47</sup>

Perihal isu sensitif baka sebagai punca kemunduran Melayu, ciri-ciri negatif seperti malas, boros dan sikap suka berseronok adalah hasil pembiakan Melayu sesama sendiri hingga menghasilkan baka yang kurang bermutu. Ini pula menjelaskan kekurangan Melayu secara fizikal dan mental

dalam bidang keusahawanan. Biarpun pandangan ini diutarakan dalam konteks Melayu di Malaysia,<sup>48</sup> sekurang-kurangnya satu kajian<sup>49</sup> telah menarik perhatian pada persamaannya dengan pemikiran Lee Kuan Yew yang, menurut Clammer,<sup>50</sup> mempercayai bahawa pembakaan menentukan 80 peratus kepandaian seseorang sementara 20 peratus ditentukan oleh sekitaran. Menurut seorang pemimpin generasi kedua Parti Tindakan Rakyat (PAP) (pertengahan 1980-an) yang terkemuka, “Melayu yang berjaya dan kemudian menjadi karyawan atau menyertai tangga tinggi perkhidmatan awam, selalunya merupakan separuh Melayu. Kebanyakan mereka separuh India atau separuh Arab”.<sup>51</sup>

Ideologi penjajah dikemukakan sebagai satu lagi punca kemunduran Melayu. Sementara pembentukan monopoli penjajah dan, akhirnya, negara penjajah di Asia Tenggara membawa kepada kehilangan kelas pedagang bumiputera, mitos orang bumiputera yang malas, tidak cekap, pembelot dan suka berkomplot dicipta oleh puak British, demi membela pemerintahan penjajah.<sup>52</sup> Yang relevan di sini ialah kesan berterusan ideologi penjajah sedemikian dalam masyarakat Melayu masa kini dan pengaitan ras dengan “satu budaya malas”.<sup>53</sup>

Hujah lebih struktural mengenai kemunduran



masyarakat Melayu tertumpu pada “pengstrukturhan hambatan dan peluang yang menghalang kemungkinan mobiliti Melayu ke atas”.<sup>54</sup> Penekanan diletakkan pada peranan peraturan, syarat dan dasar. Dasar penjajah berkenaan dengan imigrasi, pemilikan hartanah dan pendidikan telah dikemukakan sebagai punca-punca kemunduran Melayu, kerana kesemua itu mengasingkan orang Melayu daripada penyertaan penuh dalam ekonomi pasaran.

Penjelasan kebudayaan sebaliknya mengusulkan bahawa masalahnya terletak pada sistem nilai orang Melayu. Islam dan adat (tatalaku dan undang-undang resam) dilihat sebagai menghalang pembangunan kerana bersifat konservatif dan tidak boleh menerima perubahan.<sup>55</sup> Seterusnya, Tania Li membuat pemerhatian bahawa doktrin keagamaan dan pandangan hidup yang mementingkan akhirat tidak “membekalkan Melayu Singapura dengan dorongan kuat untuk mengejar kekayaan menerusi usaha perniagaan”.<sup>56</sup> Akhir sekali, Tham telah menilai usaha kesusasteraan penulis-penulis Melayu dari sudut tanggapan nilai mereka di tengah-tengah modernisasi dan perubahan. Beliau berusaha “menstruktur rangka persepsi penulis Melayu dari segi nilai, kepercayaan dan sikap, sejauh mana kesemua ini berhubungan dengan modernisasi.”<sup>57</sup>

Kajian yang begitu sedikit mengenai golongan elit

Melayu di Singapura kebanyakannya bercorak sejarah dan lebih merupakan bidasan terhadap peranan elit dalam feudalisme zaman silam. Golongan elit Melayu dalam zaman sebelum penjajahan dianggap sebagai kumpulan “yang tiada ciri-ciri yang diperlukan untuk pembangunan...seperti kewibawaan dan taraf etika, keupayaan dan stamina intelek bagi usaha yang mendatangkan hasil dan kreatif.”<sup>58</sup> Kepentingan kenyataan ini bagi masyarakat Melayu masa kini di Asia Tenggara ialah anggapan bahawa nilai negatif yang diwarisi dari zaman dulu menghambat pembangunan di kalangan Melayu sekarang.<sup>59</sup>

Satu cara bagi menunjukkan bagaimana nilai-nilai yang digalakkan oleh golongan elit yang berpengaruh dalam masyarakat Melayu menghalang pembangunan ialah untuk menyelidik ideal keunggulan sebagaimana yang tercermin dalam konsep wira di kalangan Melayu. Untuk tujuan ini, Shahrudin Maaruf menganalisis tanggapan terhadap Hang Tuah sebagai wira dalam masyarakat Melayu, dengan menarik perhatian pada bagaimana kesukaan tidak kritis pada kewiraan zaman feudal masih hadir dalam masyarakat Melayu hari ini.<sup>60</sup> Aliran analisis ini diteruskan dalam penulisan kemudiannya yang meneruskan penyelidikan terhadap sistem nilai kalangan golongan elit Melayu.<sup>61</sup> Di sini Shahrudin menumpukan perhatiannya pada nilai-nilai di kalangan pembesar-pembesar istana Melayu pada zaman feudal, dan juga pada kerjasama

antara golongan elit Melayu dengan kapitalisme penjajah semasa zaman penjajah, dengan tujuan mendedahkan ide-ide pembangunan yang lebih berpengaruh yang telah membentuk pemikiran Melayu zaman-berzaman.

Sharifah Maznah mengikut jejak analisis yang sama dengan mengkaji sifat dan fungsi mitos Melayu. Golongan elit Melayu, sebagai pencipta dan pengedar mitos, berpengaruh besar dalam pembangunan masyarakat Melayu. Menurut Sharifah Maznah, banyak masalah semasa masyarakat Melayu, seperti kekurangan orientasi pada sains, pemaparan romantik wira feudal dan kesetiaan membabi buta kepada pemimpin merupakan ciri-ciri peninggalan zaman feudal, yang terus kekal disebabkan mitos yang kian hidup.<sup>62</sup>

Walaupun ada penumpuan teoretis pada kajian nilai dan ide golongan elit dari segi sosiologi ilmu (*sociology of knowledge*) dan teori mitos dalam kajian Shahrudin dan Sharifah Maznah, tiada pula sebarang kerja sosiologi yang tertumpu pada aspek lebih objektif elit Melayu dan peranan mereka dalam pembangunan.

### **Islam dan Pembangunan**

Sarjana yang berlandas di Singapura membincangkan perhubungan antara Islam dengan pembangunan dalam konteks

karya Weber mengenai etika Protestan dan pembangunan kapitalisme di Eropah Barat, dan sosiologi agama (*sociology of religion*) Weber secara keseluruhan.

Kapitalisme sebagai suatu sistem ekonomi memerlukan suatu sikap yang digelar Weber semangat kapitalisme (*spirit of capitalism*). Sikap ini memperolehi kandungannya dari fahaman Protestan. Manakala sikap semasa zaman sebelum kapitalisme merupakan tradisionalisme - manusia tidak mahu mengumpul harta sebanyak mungkin tetapi ingin hidup mengikut kebiasaannya dan mengumpul wang cukup untuk tujuan itu - dalam semangat kapitalisme kedua-dua pekerja dan usahawan menganggap kerja sebagai satu matlamat tersendiri, seolah-olah ia satu seruan agama.<sup>63</sup> Ada sesuatu dalam fahaman Protestan yang menyemai sikap amat kapitalistik dalam manusia.

Fahaman Puritan adalah satu gerakan Protestan dalam abad ke-16 dan ke-17 yang diperolehi daripada doktrin Calvin di England yang berdasarkan pertapaan (*asceticism*). Tetapi ia tidak berlandaskan pertapaan hari pembalasan seperti fahaman Katolik atau lain-lain bentuk kehidupan rahib (*monasticism*) yang menekankan pengasingan daripada urusan dunia, malah sebaliknya berlandaskan pertapaan bercorak keduniaan yang tidak menentang kegiatan keduniaan ataupun pengumpulan harta. Bangkangan moral terhadap kekayaan ialah “keselesaian

dalam jaminan pemilikan, kenikmatan kekayaan dengan akibatnya berfoya-foya dan godaan nafsu dan, yang terpenting, gangguan pada usaha untuk mengejar hidup yang penuh luhur”.<sup>64</sup>

Etika Protestan membebaskan pengumpulan harta daripada halangan etika tradisional.<sup>65</sup> Ia juga mendorong penganutnya ke arah kerja keras, disiplin dan berjimat-cermat kerana pengumpulan harta sebagai hasil sesuatu pekerjaan merupakan tanda restu Tuhan. Hasil praktikal daripada kesemua ini ialah suatu paksaan bercorak zuhud (*ascetic compulsion*) untuk bekerja keras dan berjimat di samping mengelakkan diri daripada berseronok secara spontan.

Bagi Weber, ada pertalian rapat secara terpilih atau kesefahaman antara fahaman Calvin dengan sikap kapitalis moden. Penganut Calvin tidak secara sedar cuba mencipta sistem kapitalis dan kapitalisme merupakan akibat etika Protestan yang tidak disengajakan.

Syed Hussein Alatas<sup>66</sup> berhujah bahawa, dalam kes orang-orang Melayu di Asia Tenggara, “seruan” dan lain-lain aspek etika Protestan terdapat dalam Islam dan semangat kapitalisme hadir di kalangan pedagang awal Islam di rantau itu. Menurutnya, kehilangan ciri-ciri bersemangat itu disebabkan oleh faktor-faktor selain daripada agama.

Peacock, menyusuli Weber, coba menunjukkan sejauh mana perubahan kebudayaan di kalangan orang-orang Islam di Singapura, Malaysia dan Indonesia membawa erti rasionalisasi psikologi.<sup>67</sup> Peacock mengkaji aspek psikologi dan kebudayaan dalam kehidupan orang-orang Islam yang bukan tradisional di tiga negara itu, dengan melihat pelbagai hal seperti latihan membuang air, bahasa, hirarki sosial, berkhitan, teologi, naik haji, persekolahan, pekerjaan dan lain-lain.

Clammer pula memberi sedikit amaran perihal penggunaan Weber untuk mengkaji Islam dan pembangunan di Asia Tenggara. Pertama, beliau berkata “pencarian kepelbagaian Etika Protestan di Asia” tidak akan berhasil dan tidak berguna dari sudut Weber.<sup>68</sup> Weber tidak mendakwa bahawa agama-agama bukan Protestan tidak merangsangkan perkembangan kapitalisme.<sup>69</sup> Apa yang dikatakannya bagaimanapun ialah agama-agama itu tidak berlandaskan paksaan secara zuhud untuk mengumpulkan modal menurut cara fahaman Puritan. Maka adalah tidak berguna untuk mencari analog berfungsi pada etika Protestan itu dalam lain-lain agama. Clammer juga berkata ada perlunya meninjau melewati tesis etika Protestan oleh Weber kepada pertimbangan lain-lain dalam bidang sosiologi yang dibuat olehnya seperti kajian pemegang kuasa, pengesahan kuasa (*legitimation*), patrimonialisme dan undang-undang, yang boleh digunakan

secara berhasil pada kajian pembangunan di Asia Tenggara.<sup>70</sup>

### Ideologi

Kajian ideologi, termasuk kebangkitan semula Islam, telah menerima perhatian sarjana masyarakat Melayu di Singapura. Ideologi, atau satu set kepercayaan, sikap dan pandangan yang sedikit sebanyak mencerminkan susunan ekonomi dan politik dalam sesuatu masyarakat, diluahkan dalam pelbagai cara dalam masyarakat Melayu dan penulisan tertumpu pada sebilangan ideologi tersebut:

- (i) ideologi penjajah
- (ii) semangat nasionalisme Melayu
- (iii) feudalisme
- (iv) kebangkitan semula Islam
- (v) sekularisme

Kajian sosiologi secara sejarah mengenai ideologi penjajah telah dijalankan oleh Syed Hussein Alatas dengan tumpuan pada (i) falsafah politik Raffles dan (ii) mitos Melayu malas.<sup>71</sup>

Catatan perihal Raffles menggariskan falsafah politik Raffles dan hubungan falsafah itu dengan pembunuhan besar-besaran di Palembang, prejudis etnik Raffles berhubung dengan pelbagai masyarakat di daerah itu, tuduhan kelakuan keji

Raffles dalam urusan Banjarmasin, dan ideologi imperialismenya, termasuk yang melibatkan orang-orang Melayu Singapura dan dunia Melayu yang lain. Alatas membidas historiografi penjajah kerana berpandangan “bodoh dan jinak” terhadap Raffles dalam menekankan ciri perikemanusiaannya sedangkan pada hakikatnya beliau tidak kisah langsung tentang kebajikan orang Melayu. Malah beliau menganggap mereka sebagai masyarakat hina.<sup>72</sup> Pandangan Alatas ialah melebih-lebihkan peranan Raffles sebagai seorang perintis berperikemanusiaan memenuhi keperluan penjajah bagi mencipta mitos.<sup>73</sup>

Tema mitos penjajah dikaji dengan lebih dalam oleh Alatas menerusi satu lagi penulisan kemudiannya, yang meninjau mitos kemalasan Melayu, Jawa dan Filipino di Asia Tenggara.<sup>74</sup> Perihal Melayu, tujuan kajian ini ialah untuk menunjukkan bagaimana mitos bumiputera yang malas dicipta untuk memupuk imej negatif bumiputera yang sebaliknya boleh mempertahankan eksploitasi kapitalis penjajah.

Juga wajar disebut di sini ialah suatu latihan akademik yang membincangkan hidupnya stereotaip Melayu oleh penjajah dalam kesusasteraan bumiputera Melayu.<sup>75</sup>

Berpaling pula pada semangat nasionalisme Melayu, asal usulnya telah dicatat dengan baik.<sup>76</sup> Malah, dorongan



